

SINONIM DAN ANTONIM

Pilih perkataan yang sama erti dengan perkataan yang bergaris.

1. Saya suka membaca buku cerita tentang Sang Kancil dengan kura-kura.
A asyik B gemar
C tekun D rajin
2. Emak menyuruh Chew Ma pergi ke kedai untuk membeli sekilogram tepung gandum.
A meminta B mendesak
C merayu D memujuk
3. "Ajaklah kawan-kawan kamu datang ke majlis hari jadi kamu," kata Puan Lim kepada anaknya.
A suruh B pujuk
C undang D desak
4. Ibu sangat risau akan keselamatan adik yang menyertai perkhemahan bersama kawan-kawannya.
A hairan B cemas
C ragu-ragu D bimbang
5. Arahan dan kata-kata raja yang zalim itu tidak berani dibantah oleh sesiapa pun.
A ditegah B dilarang
C disokong D dibangkang
6. Yit Fi berasa sedih apabila mengenangkan nasib malang yang menimpa keluarganya.
A resah B pilu
C bimbang D gusar
7. Jambatan di kampung saya runtuh pada petang semalam, iaitu sewaktu hujan turun dengan lebatnya.
A tegap B kuat
C roboh D tegak
8. Kami tidak suka berkawan dengan budak itu kerana dia suka berbohong dan cakap besar.
A meragam B mengacau
C mengampu D menipu
9. Kejadian aneh itu berlaku sewaktu semua penghuni rumah itu sedang tidur.
A biasa B lumrah
C ajaib D hairan
10. Kok Ming melarang adiknya daripada bermain di tepi jalan raya kerana bahaya.
A mengadang B menghalang
C mengikat D menyekat
11. Saya menyokong cadangan ketua darjah supaya diadakan kutipan derma untuk membantu mangsa kebakaran.
A memujuk B menolak
C membela D menolong
12. Pada masa dahulu, kampung saya tiada kemudahan bekalan elektrik dan air.
A lampau B esok
C kini D sekarang
13. Saya sering mengulang kaji pelajaran pada waktu petang atau selepas membantu ibu menyiram pokok bunga.
A selalu B jarang
C kadang-kadang D kadangkala
14. Sebelum merasmikan sukan tahunan, guru besar telah menyampaikan sebuah ucapan yang ringkas.
A padat B cepat
C cermat D pendek
15. "Pak cik, maafkan saya kerana telah memecahkan pasu bunga itu," kata Song Chow kepada Pak Cik Yoke.
A lupakan B ajarkan
C benarkan D ampunkan

Pilih antonim bagi perkataan yang bergaris.

1. Semua murid bersetuju untuk menghulurkan derma bagi membantu mangsa kebakaran itu.
A membantu B melarang
C membangkang D membenarkan
2. Ketulan air itu cair apabila dimasukkan ke dalam gelas yang berisi air panas.
A keras B pejal
C kaku D beku
3. Menonton televisyen mendatangkan kebaikan kerana kita memperoleh berbagai-bagai pengetahuan.
A kemudaratn B kekurangan
C kelemahan D keburukan
4. Satu jualan murah sedang diadakan di bangunan yang terletak di hadapan stesen kereta api.
A sebelah B dalam
C belakang D bawah
5. Memandangkan cuaca yang cerah, ayah bercadang untuk pergi memancing dengan kawan-kawannya.
A kabur B mendung
C berombak D dingin
6. Budak itu kelihatan berselera sekali walaupun makan nasi yang dingin.
A panas B bahang
C sejuk D beku
7. Abang akan pulang ke tanah air setelah menamatkan pelajarannya di luar negara.
A pergi B balik
C kembali D berhijrah
8. Ching Eng berasa takut apabila melalui lorong yang gelap itu seorang diri.
A gusar B risau
C waswas D berani
9. Novel yang mengisahkan kejayaan seorang pelukis cacat itu ditulis oleh seorang penulis yang terkenal.
A megah B masyhur
C sempurna D bangga
10. Murid-murid yang lulus dengan cemerlang akan diberi hadiah pada majlis penyampaian hadiah.
A kecundang B alah
C tewas D gagal
11. Shu Kim yakin akan memenangi pertandingan bercerita kerana dia banyak membuat latihan.
A sungguh-sungguh B ragu-ragu
C runsing D gusar
12. Kami menutup hidung apabila melalui kawasan longgokan sampah yang berbau busuk itu.
A hapak B hamis
C wangi D tengik
13. Budak-budak nakal itu selalu bermain di tepi sungai dan mencuri rambutan Pak Cik Tan.
A bagus B sempurna
C elok D baik
14. Ibu mengizinkan adik bermain di padang permainan kerana cuaca pada hari ini cerah.
A melarang B mendesak
C menyuruh D membantah
15. Penglihatan Ravendran masih kabur walaupun dia sudah memakai cermin mata.
A jelas B baik
C kelam D elok
16. Polis berjaya menangkap tiga orang lelaki yang merompak sebuah bank.
A menawan B mengikat
C memberkas D membebaskan